

GUADEx LINCTUS

Dextromethorphan hydrobromide/guaiphenesin (15mg/100mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GUADEx LINCTUS
2. Bagaimana GUADEx LINCTUS berfungsi
3. Sebelum mengambil GUADEx LINCTUS
4. Cara menggunakan GUADEx LINCTUS
5. Semasa menggunakan GUADEx LINCTUS
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GUADEx LINCTUS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang GUADEx LINCTUS. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil GUADEx LINCTUS berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan GUADEx LINCTUS

GUADEx LINCTUS digunakan dalam rawatan batuk kering atau batuk tidak produktif sahaja.

Bagaimana GUADEx LINCTUS berfungsi

GUADEx LINCTUS mengandungi Guaiphenesin dan Dextromethorphan hydrobromide sebagai bahan aktif.

Guaiphenesin adalah sejenis ekspektoran yang digunakan dalam ubat batuk. Ia bertindak dengan meningkatkan jumlah dan mengurangkan kelikatan mukus di dalam saluran pernafasan supaya ia mudah dibatuk keluar.

Dextromethorphan hydrobromide adalah sejenis agen antitusif (penahan batuk). Ia berfungsi dengan bertindak secara langsung pada pusat batuk dalam otak untuk melegakan batuk.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengambil GUADEx LINCTUS

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil GUADEx LINCTUS sekiranya anda sangat sensitif kepada:

- Mana-mana ubat yang mengandungi Guaiphenesin dan Dextromethorphan.
- Mana-mana bahan yang disenaraikan dalam risalah ini.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, fikir anda mungkin mengandung atau jika anda menyusukan bayi.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil atau baru-baru mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor jika anda mengambil:
- *monoamine oxidase inhibitor* (untuk kemurungan) termasuk dalam tempoh 14 hari selepas berhenti.
- Antihistamina, psikotropik atau ubat-ubatan lain yang menghasilkan depresi pada sistem saraf pusat.

Cara menggunakan GUADEx LINCTUS

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa : 5ml-10ml;
Kanak-kanak berumur 7 – 12 tahun : 5ml;
Kanak-kanak berumur 2- 6 tahun : 2.5ml;

Dos harus diberi tanpa dicairkan sebanyak 3 kali sehari.

Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak kurang daripada umur 2 tahun.

Guna dengan berhati-hati dan di atas nasihat doktor atau ahli farmasi pada kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Bila perlu digunakan

GUADEx LINCTUS sebaiknya diambil mengikut arahan doktor.

Berapa lama perlu digunakan

Bergantung kepada individu. Dapatkan nasihat doktor anda untuk jangka masa yang tepat bagi pengambilan ubat ini.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya.

Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan berlebihan boleh menyebabkan edema pulmonary (cecair dalam paru-paru), masalah pernafasan (kadar pernafasan perlahan) dan rangsangan sistem saraf pusat termasuk konvulsi.

Semasa menggunakan GUADEX LINCTUS

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Jika anda akan mula mengambil ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil GUADEX LINCTUS.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi GUADEX LINCTUS dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan minum alkohol (minuman keras) semasa mengambil GUADEX LINCTUS.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Semasa rawatan dengan GUADEX LINCTUS, reaksi anda mungkin akan terjejas. Ubat ini boleh menyebabkan kesan mengantuk dalam sesetengah individu.

Anda dinasihatkan untuk tidak memandu atau mengendalikan mesin/jentera sekiranya anda terjejas oleh kesan ubat.

Kesan-kesan sampingan

Dextromethorphan hydrobromide kadang-kadang menyebabkan rasa mengantuk, pening, keterujaan, kekeliruan mental dan gangguan gastrousus. Dos yang sangat tinggi boleh menghasilkan depresi pernafasan.

Guaiphenesin boleh menghasilkan rasa ketidakselesaan gastro-usus dan mengantuk. Dos yang sangat besar boleh menyebabkan loya dan muntah-muntah.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan GUADEX LINCTUS

Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak. Jauhi daripada cahaya yang kuat. Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

GUADEX LINCTUS adalah cecair sirap coklat, campuran berperisa dan berbau menthol, minyak Dill, minyak pudina minyak kayu putih.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Guaiphenesin dan
Dextromethorphan Hydrobromide.

Bahan-bahan tidak aktif:
Anhydrous Citric Acid, Liquid Caramel, Flavour Compound C (Dill oil, peppermint oil, eucalyptus oil, chloroform spirit), Sorbitol, Glycerin, Liquid Glucose, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Sucrose dan Purified Water.

Nombor MAL :
MAL19913398A

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :
24/11/2015

Nombor siri
BPFK(R4/1)051115/00407